

Headline	Hua Yang majukan Citywoods RM216j		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Sep 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B5	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	397 cm <sup>2</sup>
Journalist	Zuraidah Mohamed	AdValue	RM 13,632
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,896



# Hua Yang majukan Citywoods RM216j

» Syarikat mahu kekal peneraju projek perumahan mampu milik

Oleh Zuraidah Mohamed  
zmohamed@bh.com.my

**P**rojek Citywoods bernilai RM216 juta di Jalan Abdul Samad, Johor Bahru, bakal meletakkan Hua Yang Bhd sebagai antara pemaju hartanah utama Johor, khususnya dalam pasaran kediaman mampu milik.

Apartmen servis 19 tingkat dengan 417 unit kediaman itu adalah projek keempat dibangunkannya di wilayah Iskandar Malaysia yang kini semakin pesat membangun.

Pengurus Cawangan Hua Yang Johor, Casey Wong, berkata kum-

pulan itu menjangkakan kira-kira 40 peratus daripada nilai pembangunan kasar (GDV) projek yang dirancang bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 adalah di sekitar Johor.

### Tiga projek lain

Selain Citywoods, katanya, tiga projek lain yang sedang dilaksanakan di Johor ialah Taman Pulau Hijauan bernilai RM127 juta; The Gardens @ Polo Park yang merangkumi rumah berkembar dan banglo (RM64 juta) dan Taman Pulau Indah RM26 juta.

"Johor adalah antara lokasi tumpuan penting Hua Yang, dan kami percaya ia adalah pembangunan mampu milik yang dibangunkan di lokasi strategik dan memenuhi keperluan pasaran pemilik rumah pertama.

"Kami adalah perintis dalam sektor perumahan mampu milik dan akan terus mengekalkan kedudukan kami sebagai salah daripada peneraju hartanah bagi segmen ini

di pasaran," katanya pada taklimat media di Johor Bahru.

### Fasa baharu

Wong berkata, untuk beberapa tahun akan datang Hua Yang akan memberi tumpuan kepada pembangunan fasa baharu bagi projek sedia ada yang ketika ini, masih ada kira-kira 42.4 hektar tanah bernilai RM624 juta di Johor masih belum dimajukan.

Dalam pada itu, katanya, Citywoods merangkumi dua menara 19 tingkat berkepadatan rendah yang terletak berhampiran hotel bertaraf lima bintang, Thistle akan dilancarkan secara rasmi semalam, dan siap sepenuhnya pada tahun 2017.

Katanya, projek itu dibangunkan di kawasan seluas 0.8 hektar membabitkan tiga jenis kediaman iaitu Jenis A (dua bilik tidur) seluas 764 kaki persegi, Jenis B (dua + satu bilik tidur) seluas 958 persegi dan Jenis C (tiga + satu bilik tidur) seluas 1,249 kaki perse-



Casey Wong menunjukkan model projek perumahan Citywoods di Johor Bahru.

gi dengan harga jualan bermula dari RM412,220.

"Citywoods terletak di kawasan landskap berbukit yang tenang dan jauh dari kesibukan, walaupun berhampiran pusat bandar raya.

"Pembeli juga dapat menikmati satu konsep gaya hidup yang sihat dengan persekitaran yang tenang, di samping dapat memiliki kediaman yang baharu," katanya sambil

menambah setakat ini kira-kira 50 peratus pendaftaran diterima bagi unit ditawarkan.

Bagi melengkapkan pengalaman gaya hidup, Wong berkata, pelbagai jenis kemudahan kelas pertama disediakan seperti ruang aktiviti khas termasuk tempat barbeku, bilik permainan, bilik audio dan visual (AV) serta taman permainan untuk kanak-kanak.